

## **BAB LIMA**

### **P E N U T U P**

#### **5.1. Kesimpulan**

Setelah penulis melaksanakan kajian mengenai Dayah Mudi Mesra, maka penulis dapat berkesimpulan bahawa Dayah Mudi Mesra dapat mempertahankan kewujudannya baik dari masalah kewujudan institusi-institusi pendidikan yang diwujudkan oleh kerajaan mahupun akibat daripada konflik antara Gerakan Aceh Mardeka (GAM) dengan pihak kerajaan Indonesia. Walaubagaimanapun pada awal kewujudan institusi-institusi pendidikan yang diwujudkan oleh kerajaan dan pada masa konflik institusi-institusi pendidikan tradisional di Aceh mengalami kemunduran termasuk Dayah Mudi Mesra.

Adapun faktor yang dapat mempertahankan kewujudan Dayah Mudi Mesra adalah disebabkan oleh adanya sokongan yang sangat kuat dan perhatian yang khas daripada masyarakat Aceh. Sehingga Dayah Mudi Mesra berjaya dalam melaksanakan matlamatnya sebagai sebuah institusi pendidikan agam Islam yang sangat di cintai oleh masyarakat Aceh khasnya. Disamping berani tampil dengan meninggalkan cara-cara lama yang tidak produktif dan menjadi motivasi kepada masyarakat untuk mempersiapkan diri dalam menghadapi globalisasi.

Dalam kajian ini Dayah Mudi Mesra telah menunjukkan adanya kandungan dakwah ke arah merealisasikan objektif dakwah melalui pelbagai aktiviti- aktiviti yang dilakukan, terutama mengenai dakwah *bi al-hāl* dan *bi al-lisān*., termasuk sosio-ekonomi. Kejayaan itu terwujud melalui sikap, perilaku, tindakan pimpinan, dewan

guru dan para lulusan melalui pelbagai aktiviti termasuk projek sosio-ekonomi dan budaya untuk mempengaruhi orang lain agar berubah sikap, sifat dan tingkah laku serta taraf hidupnya ke arah yang lebih baik.

Berdasarkan aktiviti sosio-ekonomi Dayah Mudi Mesra jelas menunjukkan bahawa dalam menghadapi cabaran pembangunan modenisasi, liberalisasi dan sekulerisasi zaman, Dayah Mudi Mesra menganggap perlu memperluaskan ruang daerah aktivitinya, disamping dakwah, tentang ibadah, juga tentang *mu‘āmalah* atau kemasyarakatan, terutama yang berkaitan dengan perbaikan terhadap kedudukan sosio-ekonomi rakyat. Jelasnya, aktiviti sosio-ekonomi Dayah Mudi Mesra adalah selaras dengan pengkaedahan dakwah Islāmiyah itu sendiri.

Dakwah mengandung dua komponen utama yang menjadi agenda kerjanya, iaitu *al-amr bi al-m‘arūf* dan *al-nahy ‘an al-munkar*. Dalam hubungan ini pengkaji mendapati bahawa Dayah Mudi Mesra merupakan institusi pendidikan yang berorientasikan Islam lebih menumpukan kepada komponen pertama daripada dakwah, iaitu *amr al-m‘arūf*, manakala dakwah tidak mungkin dipisahkan dari kedua-dua komponen itu. Inilah cabaran yang dihadapi oleh Dayah Mudi Mesra.

Berasaskan kepada pendekatan sistemik dan religi, tentunya diakui bahawa peranan dayah telah mampu membangun individu pelajar dan kelompok sosial yang memiliki potensi yang kuat dalam mengisi pembangunan Aceh khasnya. Dayah Mudi Mesra juga merupakan institusi pendidikan yang ideal karena didalamnya menerapkan konsep pendidikan yang integralistik, pragmatik, dan mempunyai akar budaya yang sangat kental dipersekutuan masyarakat.

Dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks Dayah Mudi Mesra pula berani tampil dan mengembangkan dirinya sebagai pusat keunggulan. Dayah tidak hanya mendidik pelajar agar memiliki ketangguhan jiwa (*taqwīm al-nufūs*), jalan hidup yang lurus dan budi pekerti yang mulia, tetapi juga pelajar yang dibekalkan dengan berbagai disiplin ilmu kepakaran lainnya, guna dapat diwujudkan dan mengembangkan segenap kualiti yang dimilikinya.

Dalam kajian ini Dayah Mudi Mesra penulis mendapatkan ciri-ciri kemasyarakatan dan keagamaan yang mengarahkan kepada pembangunan insan atau Sumber Daya Manusia (SDM) dan sosio-ekonomi lebih mengutamakan program dan halatuju dayah tersebut. Berhubung dengan pembangunan insan atau pengembangan sumber daya manusia (*human resource development*) itu diserapkan ke dalam acuan ‘*aqidah* melalui programnya yang merupakan intisari seluruh aktiviti dan institusi Dayah Mudi Mesra. Dengan demikian, pembangunan sumber daya manusia tidak berdasarkan konsep liberalisme sama ada aliran klasik mahupun neo-klasik yang semata-mata memberi tumpuan kepada kewujudan tenaga kerja yang cekap, mahir, terampil, profesional dan produktif.

Hasil kajian ini diharapkan memberi sumbangan bermakna kepada dunia dayah amnya dan terhadap lemagai-institusi pendidikan Islam di kalangan masyarakat Aceh khususnya. Dalam usaha memahami pergerakan dakwah Dayah Mudi Mesra yang merupakan sebuah institusi pendidikan bukan kerajaan, kajian ini telah mengemukakan pegangan-pegangan asas yang menjadi ciri utama Dayah Mudi Mesra, kemudian dihadapkan kepada pengertian, konsep dan metode dakwah. Ini adalah kerana pengenalan ciri-ciri khas sesebuah institusi pendidikan adalah penting dan munasabah. Dengan demikian, memungkinkan kita berlaku adil terhadap

institusi pendidikan, nyakni dengan cara mengenali intisari, cita-cita dan halatujunya disamping aktiviti dan pelaksanaan programnya di tengah-tengah masyarakat.

Untuk mencapai matlamat daripada dayah para pelajar harus dibekalkan dengan nilai-nilai keislaman yang dipadukan dengan kemahiran. Pembekalan ilmu dan keterampilan dapat di tempuh dengan mempelajari tradisi ilmu pengetahuan agama dan ditelaah dari teknologi kepakaran umum. Karena, tradisi keilmuan dan kebudayaan Islam sangat kaya, sebagaimana yang diungkapkan oleh Sayyid Kuthb: bahawasannya agama Islam bukan mengganti ilmu dan kebudayaan, bukan pula musuh ilmu dan kebudayaan, tetapi agama Islam merupakan bingkai ilmu dan kebudayaan serata menjadi poros yang mampu memberi hukum (peraturan) bagi segala masalah kehidupan.

## 5.2. Saranan

Berdasarkan dapatan dari kajian yang telah dikemukakan dalam bab sebelum ini, maka sehubungan dengan itu bagi mengakhiri kajian ini, pengkaji mengemukakan beberapa saranan sebagaimana berikut:

1. Dayah Mudi Mesra sebagai institusi pendidikan yang berorientasikan Islam hendaklah memastikan program dan kegiatan dakwahnya yang sentiasa menyeru kepada *m'arīf* dan mencegah kepada *munkar* iaitu dengan cara mendidik pelapis dakwah secara berterusan untuk diterjunkan dalam masyarakat sehingga masyarakat terselamat dari pengaruh perubahan sosial yang negatif akibat dari perkembangan zaman yang kompleks yang dapat melemahkan iman masyarakat.

2. Dayah Mudi Mesra sebagai institusi pendidikan pengkaderan ulama harus mampu diwujudkan untuk melahirkan generasi ulama, karena Dayah Mudi Mesra adalah salah satu institusi pendidikan yang menciptakan ulama. Namun demikian, tuntutan modernisasi dan globalisasi mengharuskan ulama memiliki kemampuan lebih, kapasiti intelektual yang memadai, akses pengetahuan dan informasi yang cukup serta responsif terhadap perkembangan dan perubahan.
3. Dayah Mudi Mesra sebagai institusi ilmu pengatahan agama Islam, dalam masalah ini Dayah Mudi Mesra masih dianggap lemah dalam penguasaan ilmu dan metodologi. Dayah Mudi Mesra hanya mengajarkan ilmu agama dalam erti *trasper of knowledge*, tetapi Dayah Mudi Mesra harus memiliki potensi sebagai tempat pengembangan ilmu agama dan harus mampu menempatkan dirinya sebagai transformasi, motivator dan inovator.
4. Kewujudan Dayah Dayah Mudi Mesra setakat ini mestilah berjaya dalam menjalankan halatuju dan matlamat dari masa ke semasa, generasi ke generasi melalui fungsi dan tugas pelajar dalam memperjuangkan tegaknya nilai-nilai religius serta berjihad menransformasikan ilmu agama Islam ke dalam proses pertumbuhan dan perkembangan masyarakat, sehingga kehidupan masyarakat berada dalam kondisi yang berimbang (*balanced at*) antara aspek dunia dan akhirat.
5. Dalam usaha memperkembangkan pendidikan dan aktiviti dakwah, Dayah Mudi Mesra harus mampu menggunakan dan memamfaatkan teknologi sebagai media lain yang wujut pada masa sekarang dalam menyampaikan dakwah yang sesuai dengan situasi dan kondisi, seperti ; *Vedio Compact Disk (VCD), Liquid Crystal*

*Display (LCD) Overhead Projector (OHP)* dan *Internet* sehingga usaha dakwah mudah diterima oleh masyarakat. Hal ini dapat dilakukan apabila Dayah Mudi Mesra mahu berkerja sama dengan kerajaan dan syarikat-syarikat di Aceh (projek projek vital) seperti Mobil Oil, Peseroan Terhad Aron (PT. Arun), Perseroan Terhad Pupuk Iskandar Muda (PT. PIM), Perseroan Terhad Aceh Asean Fertilizer (PT. A.A.F) dan Pabrik Kertas KRAFT.

6. Dayah Mudi Mesra hendaklah disedari bahawa ianya memegang amanah besar untuk memajukan pendidikan umat Islam dan menegakkan peri-kemanusian termasuk menujuhan institusi-institusi ibadah (masjid, surau, dan lainnya), pendidikan, meningkatkan aktifiti dakwah untuk memberi pemahaman kepada masyarakat, khasnya kepada masyarakat pendalamam. Disamping itu, Dayah Mudi Mesra sebagai institusi pendidikan islam masih banyak memiliki kelemahan dalam bidang seperti pengurusan dan teknologi. Dalam kaitan ini penulis mengharapkan kepada Dayah Mudi Mesra untuk mencari inovasi baru menuju perubahan yang lebih baik dan berjaya dalam memperkembangkan dayah yang sesuai dengan perkembangan zaman sekarang.
7. Dayah Mudi Mesra hendaklah sentiasa memperhatikan kepentingan umat khasnya dalam masalah kefahaman mengenai Islam, apatah lagi Aceh pada masa kini ramai didatangi oleh pelancong dari bebagai macam Negara yang bukan agama Islam nyakni dengan melahirkan ramai ulama dan pendakwah yang diterjunkan dalam masyarakat secara berterusan untuk memberikan penjelasan mengenai masalah-masalah agama yang timbul dalam masyarakat terhadap perkembangan semasa.

8. Pimpinan kerajaan diharapkan sentiasa memberikan sokongan kepada Dayah Mudi Mesra juga kepada dayah- dayah yang lain untuk memperkembangkan aktiviti dakwah iaitu dengan memberikan sokongan ekonomi yang diperlukan dalam menjalankan aktiviti dakwah, karena aktiviti-aktiviti dakwah yang telahpun menjadi program Dayah Mudi Mesra banyak yang tidak terwujud disebabkan oleh faktor ekonomi yang tidak cukup.
9. Modernisasi Dayah perlu dilaksanakan oleh Dayah Mudi Mesra, tapi harus ada batasan-batasan yang jelas, tidak mesti mengubah orientasi, idialisme, dan nilai-nilai dayah sebagai jati diri dayah yang khas yang pernah di kenali oleh dunia Islam.
10. Dayah Mudi Mesra sememangnya sudah saatnya membuka mata untuk melihat dunia luar, hal ini diperlukan kerja sama antara dayah dengan institusi-institusi yang dianggap mampu memberikan kontribusi dalam usaha memperkembangkan sumber dayah Tgk. pimpinan, guru dan pelajar dayah dalam menghadapi tantangan kontemporer yang semakin kompleks.